

27/02/2000

Tamadun hancur jika Melayu puas hati

KUALA LUMPUR: Kejayaan orang Melayu menjadi bangsa yang bertamadun moden sejak 42 tahun lalu akan hancur, sekiranya kembali kepada budaya mudah berpuas hati, merebut kuasa dan bermusuhan sesama sendiri, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Ketika memberi peringatan itu, Perdana Menteri berkata jika keadaan itu tidak dibendung, tamadun moden yang dibina akan runtuh. Kemungkinannya tidak ada lagi peninggalan bermakna.

"Tamadun moden orang Melayu belum matang dan belum sampai ke kemuncaknya. Malangnya, sudah ada tanda tamadun muda dan rapuh ini akan merosot dengan cepat.

"Nampaknya ramai daripada kita yang percaya kita akan kekal memerintah negara sendiri dan pemerintahan oleh kita sendiri tetap melindungi kita serta memajukan kita," katanya ketika merasmikan Kongres Profesional Muda Melayu di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) semalam.

Kongres bertemakan Profesionalisme Melayu Mengharungi Cabaran K-Ekonomi selama dua hari itu, dianjurkan oleh Persatuan Bekas Pelajar Maktab Rendah Sains Mara (Ansara).

Dr Mahathir menjelaskan bangsa yang mundur boleh menjadi maju sehingga dapat menguasai dunia apabila diserapkan dengan budaya dan nilai-nilai yang sesuai kerana semua bangsa mempunyai keupayaan yang sama.

"Jika nilai dan budaya itu tidak baik, bangsa itu boleh menukarnya dengan yang baik jika ingin memulihkan kemajuan bangsa," katanya sambil memberi contoh bagaimana masyarakat jahiliah yang menerima nilai mulia dan baik daripada Islam mampu muncul sebagai bangsa yang bermaruah serta bertamadun tinggi.

Dr Mahathir berkata, bangsa Melayu tidak berjaya sekarang walaupun mereka beragama Islam kerana mereka tidak mengamalkan ajaran agama yang sebenar.

"Kita bersaudara tetapi sering mempersoalkan keIslaman orang Islam lain. Kita tidak tertib dan tidak pegang kepada ikrar kita. Kita suka mendengar dan mempercayai fitnah yang dibawa oleh orang berkepentingan," katanya.

Perdana Menteri yang menyifatkan Islam bukan untuk dipakai, tetapi diamalkan berkata, jika orang Melayu mengamalkan nilai Islam sebenar sebagai satu jalan bagi menjamin kejayaan, Insya-Allah mereka dapat menghadapi segala cabaran.

"Jika orang yang jahil boleh menjadi bangsa bermaruah, bertamadun tinggi apabila menerima agama Islam, apakah sebabnya orang Melayu tidak berjaya sekarang dan tidak dapat mendirikan tamadun lebih kekal," katanya.

Dr Mahathir berkata, kepercayaan yang keterlaluan di kalangan sebahagian besar rakyat kepada demokrasi juga sudah membawa perubahan dalam sistem nilai dan budaya masyarakat.

"Unsur tidak sihat sudah mula dilihat dalam masyarakat Melayu. Ketertiban, kesopanan, disiplin dan semangat kebangsaan sudah diganti dengan budaya liberal dan kebebasan diri yang tidak terhad anjuran Barat.

"Apakah kita sudah bosan dengan tamadun yang baru saja kita bangunkan. Apakah kita percaya perubahan yang kita sedang lakukan kerana demokrasi liberal Barat akan membawa lebih banyak kebaikan dan kemajuan dengan lebih cepat," katanya.

Perdana Menteri berkata, walaupun perjuangan untuk pembaharuan perlu dilakukan sepanjang masa, ia hendaklah dibuat ke arah kebaikan dan sebarang perubahan perlulah dinilai dengan teliti sebelum dilaksanakan.

Jelasnya, sebelum melakukan pertukaran, penilaian teliti perlu dibuat dengan jenis pertukaran yang hendak dilakukan dan jenis pertukaran pula hendaklah dikaji sebaik mungkin.

"Tidak semua pertukaran akan membawa kebaikan. Banyak sudah pertukaran yang dibuat oleh beberapa negara yang hanya membawa keadaan yang lebih buruk. Pertukaran kepada ideologi komunis dan fascis sudah menghancurkan beberapa bangsa dan negara," katanya.

Dr Mahathir turut menyentuh kedudukan ekonomi orang Melayu dan usaha Barat untuk mengatur ekonomi dunia melalui apa yang dipanggil era globalisasi.

Beliau berkata walaupun kerajaan memperkenalkan Dasar Ekonomi baru (DEB) dulu, masih ramai Bumiputera gagal dalam persaingan dengan kaum lain yang lebih pintar, termasuk di bidang perniagaan dan perusahaan.

Dasar membantu Bumiputera masih diperlukan dan beliau yakin dengan penerusan dasar ini, orang Melayu akhirnya akan dapat menyaingi kaum lain tanpa bantuan kerajaan.

(END)